



WATIKAH ... Prof Datuk Dr Mohd Harun (kiri) menyampaikan watikah kepada Mohd Al Farid sambil disaksikan Dr Ismail (tengah) sempena Majlis Penyampaian Watikah Exco MPP UMS.



LAFAZ ... Mohd Al Farid mengetuai lafaz ikrar pada Majlis Penyampaian Watikah MPP dan Jakmas UMS di Galeri Majlis, baru-baru ini.

NST
25-12-14
5

32 Exco Majlis Perwakilan pelajar UMS terima watikah

LABUAN: Seramai 32 Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2014/2015 telah menerima Watikah Pelantikan di Galeri Majlis UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Majlis penyampaian watikah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut menerima watikah ialah 81 Ahli Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman sesi 2014/2015.

Mereka terdiri daripada Exco Majlis Perwakilan Pelajar dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan juga Kampus Sandakan.

Pada tahun ini satu pembaharuan telah dibuat iaitu menggabungkan Sesi Pelantikan bersama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman sesi 2014/2015.

Prof. Datuk Dr. Harun berkata, sesungguhnya anggaplah pemilihan anda sebagai pemimpin pelajar ini adalah cabang haluan dalam melengkapkan diri anda sebagai seorang mahasiswa yang ce-

merlang apabila bergraduan kelak.

Beliau berkata sememangnya menjadi seorang pemimpin amatlah besar tanggungjawabnya dan hanya insan terpilih sahaja yang mampu menggalas tanggungjawab berkenaan yang diamanatkan kepada mereka dengan sebaik mungkin.

Subhungan itu, beliau mahu semua pemimpin pelajar yang dipilih supaya sentiasa mengutamakan kehendak mahasiswa dan UMS secara keseluruhannya.

"Pemimpin MPP dan Jakmas juga perlu menjaga nama baik dan imej UMS serta mampu menangani masalah yang dihadapi dengan berhemah selepas mengadakan perbincangan dengan penguurusan university khususnya Hal Ehwal Pelajar," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar sesi ini Mohd Al Farid Abraham berkata, MPP Aspirasi masih meneruskan tradisi kepimpinan 'mentor' mereka pada sesi ini.

"Kami diberi mandat oleh mahasiswa yang mengundi. Undi yang diberikan mewakili suara mahasiswa. Saya harap seluruh mahasiswa dapat terus memberikan sokongan. Lon-taran idea dan kritikan membina sangat dialu-alukan," katanya. — OLEH JAINUDIN DJIMIN — jainudin@news-abahtimes.com.my